



- a) Seluruh bangunan luar dan dalam hendaklah disapu kapur atau dicat;
- b) Bilik Hotel
  - i) Tiap-tiap bilik hendaklah disediakan tanda arah kiblat di siling dengan bentuk ‘anak panah’;
  - ii) Pintu bilik mandi hendaklah dipasang menghala ke dalam bilik mandi supaya air terpecik ke pintu akan jatuh dan mengalir ke dalam bilik mandi;
  - iii) Menyediakan tempat letak kaki di dinding yang dinaikkan setinggi lebih kurang 450mm dari aras lantai untuk membolehkan pengguna meletakkan kaki mereka untuk memebersihkannya tanpa membongkok;
  - iv) Pengusaha hotel adalah digalakkan untuk menyediakan bidet. Bagi tandas yang tidak mempunyai bidet hendaklah disediakan paip air. Paip air ini hendaklah diletakkan di sebelah kanan mangkuk tandas;
- c) Tandas Awam Hotel
  - i) Menyediakan paip air dan tempat berwuduk bagi memudahkan tetamu beragama Islam mengambil wuduk;
  - ii) Bilik mandi, tandas dan tempat buang air kecil hendaklah dibersihkan setiap masa. Dinding-dinding dan lantai hendaklah selalu digosok dan dijirus dengan air;
- d) Parit-parit, lantai dan dinding atau bahagian bangunan tersebut hendaklah diperbaiki dimana-mana yang rosak;
- e) Hendaklah menyediakan sebuah tong sampah berpenutup atau bekas sampah yang diluluskan oleh pihak Majlis Daerah Tanjong Malim;
- f) Hendaklah menyediakan sebuah peti pertolongan cemas dengan bahan-bahan perubatan yang lengkap;

- g) Alat pemadam api hendaklah dihantar ke Balai Bomba untuk diuji sekali lagi apabila tempoh tarikhnya tamat; dan hendaklah mematuhi syarat-syarat yang dikeluarkan oleh Bomba mengikut surat Bil: .....
- h) Hendaklah menjalankan perniagaan seperti yang tersebut dalam lesen dan lain perniagaan atau kegiatan adalah tidak dibenarkan;
- i) Hendaklah mematuhi segala syarat-syarat yang ditetapkan oleh pihak Majlis dari masa ke semasa dan
- j) Hendaklah menjelaskan bayaran lesen sebanyak RM .....
- m) Mendapatkan Sijil Pendaftaran Premis Penginapan daripada Kementerian Kesenian dan Pelancongan.